

**PERANAN TEKNIK VOKAL DALAM PERSEMBAHAN NASYID  
KONTEMPORARI DI SEKOLAH**

**SHAIPUDDIN BIN MUHAMMAD**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2009**

## **ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumbalas daripada pelajar yang terlibat aktif dalam persembahan nasyid di dua buah sekolah. Sekolah tersebut adalah Sekolah Menengah Kebangsaan(Agama) Lati, Pasir Mas, Kelantan yang mana pasukan ini begitu aktif dan mempunyai potensi di dalam persembahan nasyid. Kumpulan nasyid sekolah ini merupakan kumpulan yang sentiasa menjadi johan negeri Kelantan dan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan. Satu lagi sekolah ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan yang mana pasukan sekolahnya juga mempunyai pasukan nasyid yang mampu memberi saingan kepada sekolah di daerah tersebut dan pernah mewakili negeri Kelantan dalam festival Nasyid Kebangsaan pada tahun 2005. Adakah program dan aktiviti yang dianjurkan dan dijalankan dengan menggunakan kaedah yang dinyatakan akan mampu mempertingkatkan tahap dan kualiti suara mereka dan apakah keberkesanan yang akan dapat dilihat dan dicapai oleh pasukan tersebut apabila menggunakan teknik dan kaedah yang disarankan. Jika ia bertambah baik, bagaimana ia terjadi, apakah dorongan dan faktor yang menyebabkan mereka bertambah cemerlang atau sebaliknya. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah temubual dan pemerhatian. Walaupun dapatan kajian ini sudah menjadi kebiasaan bagi sesetengah golongan namun itulah hakikatnya bahawa teknik dan kaedah yang betul dan teratur serta dipraktikan akan mampu membawa hasil yang cemerlang.*

## ***ABSTRACT***

*This study was carried out to obtained feed back from students who were actively involved in nasyid performance in two schools. The two school were Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Lati, Pasir Mas, Kelantan and Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan. The nasyid team from both school were equally active and have the potential to compete against other schools in the district. The nasyid team from Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama ) Lati always came out as the champion of the state and had represented Kelantan at the national level competition. Whereas the team from Sekolah Menengah Kubang Bemban, used to represent Kelantan in the National Nasyid Festival 2005. The study is to find out whether the programme and activities organised using the stated method would be able to improve the level and quality of the vocal of the students and the effectiveness of the suggested techniques and methods. The study also looks at the factor that motivate the excellence performance of the nasyid team or otherwise. The method used in the study are interview and observations. Even though the findings of the study are commonly used by many, the fact is that correct and systematic techniques and methods practiced will enable the team to achieve excellence.*

**PERKARA****MUKA SURAT**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGESAHAN	vi

**BAB I PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Sejarah Nasyid di Malaysia	3
1.3	Latar belakang Kajian	5
1.4	Pernyataan Masalah	6
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Persoalan Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Batasan Kajian	8
1.9	Definisi Istilah	9
1.10	Kesimpulan	10

**BAB II KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Aspek-Aspek Teknik Vokal Dalam Nyanyian	17
2.2.1	Perbezaan Menyanyi Dan Bercakap	20
2.2.2	Ungkapan Atau Pentafsiran Isi Lagu	20
2.2.3	Postur Badan Sewaktu menyanyi	21
2.2.4	Cara Mengeluarkan Nada	23
2.3	Kaedah-Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Muzik	24
2.4	Teori Pembelajaran Dan Implikasinya Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	26
2.4.1	Teori Pelaziman Pavlov	27
2.4.2	Implikasi Teori Pavlov ke atas pengajaran dan pembelajaran	27
2.4.3	Teori Pembelajaran Gagne	28
2.4.4	Implikasi Teori Pembelajaran Gagne	29
2.4.5	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	31
2.4.6	Ciri-Ciri Pembelajaran Konstruktivisme	32
2.4.7	Implikasi Teori Konstruktivisme ke atas Pengajaran dan Pembelajaran.	32
2.5	Bahan Pengajaran Muzik	34
2.5.1	Kaedah atau Metod Pengajaran Muzik	34
2.6	Kesimpulan	37

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
**BAB III                  METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	39
3.2	Jenis Kajian	39
3.3	Lokasi Kajian	40
3.4	Subjek Kajian	40
3.5	Reka Bentuk Kajian	41
3.6	Kaedah Kajian	41
3.6.1	Kaedah Temubual	42
3.6.2	Kaedah Pemerhatian	42
3.6.3	Kaedah Soal Selidik	43
3.6.4	Kaedah Fotografi	43

**BAB IV                  PENGANALISISAN DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	45
4.2	Penganalisisan Data	45
4.3	Keputusan Kajian 1	52
4.4	Keputusan Kajian 2	56
4.5	Kesimpulan	59

5.1	Pendahuluan	61
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	61
5.3	Implikasi Kajian	66
5.4	Cadangan	67
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	68
5.6	Kesimpulan	69

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

A : Surat-surat berkaitan

B : Borang Soal Selidik

**Jadual 1 Taburan jantina responden**

**Jadual 2 Pengetahuan dalam teknik vokal kumpulan 1**

**Jadual 3 Pengetahuan dalam teknik vokal kumpulan 2**



**Rajah 1 Bilangan responden**

**Rajah 2 Pengetahuan dalam teknik vokal kumpulan 1**

**Rajah 3 Pengetahuan dalam teknik vokal kumpulan 2**



## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan.

Nasyid merupakan satu cabang seni yang bersendi dan berpaksikan islam kerana ia mengandungi lirik yang merangkumi pesanan, ingatan, kisah para nabi, seruan dakwah Islamiah dan meniupkan semangat dalam proses pembangunan bangsa dan negara. Perkembangan nasyid yang terus mendapat tempat di hati masyarakat Islam di Nusantara telah diasaskan oleh lembaran sejarah yang terpahat dalam usaha padu pelbagai pihak untuk memartabatkan nasyid sebagai wadah seni yang mampu membawa misi dakwah Islamiah ke tengah masyarakat dalam memenuhi tuntutan fitrah berhibur dalam diri manusia. Jika diteliti perkembangan semasa dunia hari ini yang diwarnai dengan hingar-bingar alunan lagu dan irama muzik yang serba “glamour”, telah menyebabkan industri nasyid melalui satu persaingan yang sengit untuk terus bertahan sebagai wadah penyebaran dakwah. Kenyataan ini menuntut agar seniman nasyid terus bijaksana dalam meniti perjuangan nasyid tanpa mengabaikan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak dengan mengambilkira sejarah perkembangan nasyid di Nusantara dan sumbangannya sebagai medium penyebaran dakwah. Pada pandangan penyelidik, kemunculan industri nasyid di persada industri muzik tanah air tepat pada masanya. Paling

tidak, ia berperanan sebagai hiburan alternatif bagi setiap golongan manusia, anak-

anak kecil, remaja, dewasa malah golongan tua. Termasuk juga golongan bukan

muslim, yang rata-rata perlukan hiburan.

Nasyid atau anasyid (jamak) ertinya bacaan atau lantunan. Ansyadahu asy syira ertinya dia membacakan syairnya kepada seseorang. Munsyid ertinya orang yang membacakan syairnya kepada seseorang. Pembacaan syair merupakan aktiviti yang telah lama dilakukan oleh manusia. Sebelum Rasulullah SAW diutuskan bangsa Arab telah hidup dengan tradisi syair. Syair digunakan sebagai ungkapan mengisi jiwa dan kepada keinginan-keinginan manusia bahkan pemujaan terhadap seseorang yang biasanya diungkapkan dalam bentuk syair. Dalam masyarakat Quraisy terdapat tukang-tukang syair yang mencari kehidupan atau pendapat dengan membuat ungkapan pemujaan kepada para pembesar mereka. Al-Quran telah menggambarkan bahawa aktiviti para penyair yang mengeluarkan kata-kata dari lembah ke lembah dan mereka suka mengatakan apa-apa yang tidak mereka kerjakan. Al Quran telah mengecualikan para penyair yang mahu menerima Islam dan mengerjakan amal soleh dalam hidupnya. ( lihat surat Asy-Syuara ayat 224-226). Dalam kehidupan kaum muslimin tradisi syair tidak lenyap. Rasulullah SAW tidak melarang kaum muslimin bersyair bahkan beliau membenarkan adanya satu dua ungkapan penyair jahiliyah yang masih boleh dibenarkan oleh nilai-nilai Islam. Rasulullah SAW sendiri telah mengangkat seorang sahabat iaitu ahli syair bernama Hasan bin Tsabit sebagai peniup semangat dalam pertempuran. IBN HISYAM dalam catatannya telah memunggut beberapa syair yang telah ditulis dan digubah oleh Hasan bin Tsabit dalam beberapa medan pertempuran.

Kedatangan Agama Islam ke Nusantara membawa bersama seni dan kebudayaan Arab yang menarik hati masyarakat Islam khususnya pada keindahan lagu-lagu Arab yang didengar dan diterima melalui bacaan Al-Quran dan alunan lagu Qasidah Tawasyih, Ibtihal dan nasyid serta selawat dari nuzum syair marhaban dalam memuji dan mengucapkan selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w. Lagu Arab tersebut dibawa secara langsung oleh pendakwah Arab yang datang ke Nusantara untuk mengembangkan Islam . Masyarakat Islam di Tanah Melayu telah menjadikan nasyid Tawasyih, Qasidah Majrur dan bacaan Rawi berzanji dan Marhaban sebagai satu kesenian dalam setiap Majlis Perkahwinan, Majlis Khatam al-Quran, Majlis Berkhatan , Majlis Menyambut Kelahiran Bayi dan Majlis Menyambut Maulidur Rasul S.A.W.

Malaysia turut menerima perkembangan nasyid secara serius pada sekitar tahun 70-80 an. Sehingga berjaya melahirkan kumpulan nasyid yang merakamkan album seperti kumpulan nasyid Al-Jawaher yang terkenal dengan nasyid seperti Assalamuaikum, Kembara di Tanah Gersang, Mohon Pada-Nya dan sujud pada-Nya. Selain itu terdapat juga artis-artis yang merakamkan lagu nasyid secara solo seperti Ahmadi Hassan. Negeri Sabah turut melalui perkembangan yang sama, di mana penghijrahan pendakwah dari Medan Indonesia yang berkhidmat dengan Majlis Agama Islam Sabah iaitu Tuan Haji Umar Sidik telah menubuhkan kumpulan nasyid Gelora Dakwah pada tahun 1975 dan murid Allahyarham Prof

Ahmad Baqi iaitu Tuan Haji Jalidar bin Abd Rahim telah menubuhkan kumpulan

nasyid Noor El-Kawakib pada tahun 1978 yang telah berjaya merakamkan kaset dan piring hitam. Diantara lagu yang dimuatkan dalam album pertama kumpulan ini ialah *Kekalkan Islam di bumi bertuah*, Nabi Akhir zaman, Bersatu Baru Islam Sempurna dan sebagainya.

Perkembangan nasyid turut diwarnai dengan penganjuran pelbagai pertandingan nasyid sekitar tahun 1980-an, di mana RTM turut mengendalikan pertandingan Nasyid Peringkat Kebangsaan. Sementara pada tahun 1991 Festivel Nasyid Kebangsaan telah diurussetiakan oleh Bahagian Hal-Ehwal Islam (BHEAIS) Jabatan Perdana Menteri yang kini di kenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). JAKIM telah mengurussetiakan Festival ini (1991-2006) sebanyak 17 kali disamping menguruskan Festivel nasyid peringkat MABIMS (ASEAN) yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1996. Kategori nasyid yang dipertandingkan pada masa ini secara umumnya di bahagikan kepada kategori tradisi dan moden. Pada tahun 1997, kemunculan kumpulan nasyid kontemporari pertama di Malaysia iaitu kumpulan Raihan merupakan perintis kepada era kegemilangan nasyid kontemporari di Malaysia. Seiring itu, muncul pula kumpulan nasyid Rabbani, Hijaz dan Saujana dengan bentuk hiburan yang bermesejkan ketuhanan serta menerapkan nilai-nilai Islam yang murni bertujuan mendidik masyarakat. Hingga kini irama nasyid terus berkembang subur di Malaysia dengan kelahiran ramai anak-anak muda yang terus memperjuangkan irama nasyid sebagai medium dakwah yang turut diterima oleh masyarakat Brunei dan Singapura.

### **1.3 Latarbelakang Kajian**

Perkembangan muzik popular sedikit sebanyak telah mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang nyanyian di dalam matapelajaran muzik. Mereka boleh menikmati muzik tanpa mengira tempat, asalkan keinginan dan kemahuan mereka ada. Banyak sekolah yang mempunyai kumpulan muzik mahukan penonjolan dan identiti tersendiri seperti pasukan gamelan, koir, nasyid, nyanyian solo dan kumpulan muzik tradisional yang lain. Pada pendapat pengkaji, nasyid kini telah menjadi satu trenda kepada perkembangan industri muzik tanahair. Begitu juga senarionya yang berlaku di sesebuah sekolah menengah dan rendah di negara kita ini, yang pastinya ada sahaja kumpulan nasyid ditubuhkan di sekolah mereka. Penubuhan pasukan nasyid pada setiap sekolah digalakkan lagi kerana Jabatan Pelajaran pada setiap negeri di bawah unit agama dan moral telah mengadakan pertandingan nasyid pada setiap tahun. Pertandingan ini dianjurkan dibawah program ko-akademik. Tertubuhnya pasukan nasyid ini seperti tumbuhnya cendawan selepas hujan disokong pula dengan terdapat banyaknya kumpulan nasyid moden di negara kita yang menghiasi persada muzik komersil tanahair. Kumpulan-kumpulan ini seperti Raihan, Hijaz, Brothers dan banyak lagi telah menjadi pendorong dan idola kepada pasukan mereka dalam memperjuangkan lagu-lagu nasyid. Namun disebalik ingin menukuhan pasukan nasyid yang betul-betul mantap dan berkualiti, setiap pasukan itu mestilah memahami dan mempelajari teknik-teknik dan juga perkara yang berkaitan dengan nyanyian.

## **1.4 Pernyataan Masalah**

Sukatan Pelajaran Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan untuk memberi perluasan pengalaman muzikal dan kesedaran estatik pelajar. Salah satu tumpuan kurikulum adalah *menghayati pelbagai jenis muzik iaitu ensemble vokal ( nasyid )*. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik (2004), Tingkatan Satu pada objektif keempat iaitu mengenai Penghargaan Estatik di bahagian Hasil Pembelajaran (4.1.1- mempunyai pengalaman dan kemahiran menghayati pelbagai muzik ensemble, ensemble vokal : Nasyid)

Walaupun huraian sukatan KBSM di atas dinyatakan secara umum, namun amat penting sekali pembelajaran teknik vokal ini diperkembangkan di peringkat sekolah agar pelajar akan lebih memahami dan menghayati ensemble vokal yang dihasilkan. Di sini penyelidik ingin mengkaji bagaimana persepsi kumpulan nasyid ini khususnya kumpulan nasyid dari Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Lati, Pasir Mas, Kelantan dan kumpulan nasyid Addin Mizmar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan terhadap ensemble vokal mereka dan adakah mereka tahu peranan teknik vokal bagi menghasilkan suara harmoni dalam nyanyian. Jadi disebabkan ini, penyelidik merasakan keadaan ini amat menarik untuk dikaji. Namun apa yang ingin dinyatakan dalam kajian lapangan ini adalah kebanyakkan kumpulan nasyid yang terdapat dikebanyakkan sekolah menengah dan rendah tidak memahami apa yang dimaksudkan dengan teknik vokal, harmoni dan bagaimana kaedah dan cara yang betul untuk menghasilkannya.

## **1.5 Objektif Kajian**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1.5.1 Mengkaji kefahaman dan pendengaran pelajar terhadap vokal mereka sendiri.
- 1.5.2 Mengenalpasti peranan dan latihan teknik vokal oleh pasukan nasyid sebelum memulakan nyanyian.
- 1.5.3 Mengkaji bagaimana sesebuah pasukan nasyid terutamanya nasyid moden atau kontemporari sangat memerlukan kaedah dan teknik yang terdapat pada koir untuk diserap ke dalam teknik nyanyian nasyid mereka.

## **1.6 Persoalan Kajian**

Kajian ini akan cuba menjawab persoalan berikut:

- 1.6.1 Apakah tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar mengenai peranan teknik vokal dalam persembahan nasyid kontemporari?

## **1.7 Kepentingan Kajian.**

Kajian ini akan dapat memberi kesan kelangsungan kepada guru vokal kumpulan

nasyid atau kepada bakal guru yang mula berminat dan ingin menceburkan diri di

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dalam membentuk sebuah kumpulan nasyid kontemporari dan bermanfaat sebagai

bahan rujukan kepada penggiat baru dan semua pendidik muzik dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran nasyid di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah serta institusi-institusi pengajian yang lain. Bersesuaian dengan hasrat Kementerian Pendidikan dalam memperkembangkan pendidikan muzik di sekolah-sekolah sama ada di peringkat menengah mahu pun di peringkat rendah. Diharapkan dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak penggubal dalam menggubal sukatan pelajaran pendidikan muzik dengan lebih mantap dan berupaya menarik minat dan menambahkan kefahaman pelajar.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya terbatas kepada 30 orang pelajar dari tingkatan 2 hingga tingkatan 5, lelaki dan perempuan. Responden hanya terdiri daripada pelajar Melayu sahaja kerana sebahagian besar pelajar di sekolah daerah ini adalah pelajar Melayu. Kajian juga terhad untuk melihat sejauh manakah pelajar memahami kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran vokal di dalam membentuk satu pasukan nasyid kontemporari dan seterusnya membentuk satu ensemble vokal yang mantap dan baik. Selain daripada itu bakat dan kemahiran mendengar pelajar juga merupakan aspek-aspek penting di dalam meningkatkan tahap apresiasi pelajar terhadap teknik vokal ini.

## 1.9 Definisi Istilah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Nasyid merupakan nyanyian yang biasanya bercorak keagamaan dan mengandungi kata-kata nasihat, kisah para nabi, memuji Allah dan yang seumpamanya. Oleh yang demikian nasyid boleh diertikan sebagai lagu yang dinyanyikan secara berkumpulan yang mengandungi senikata yang menggambarkan sifat-sifat dan ciri-ciri nasihat yang berunsurkan Islam. Mengikut Hj Jalidar Abdul Rahim, beliau menjelaskan masyarakat Arab pada zaman dahulu melakukan syair yang bertemakan Munajat dan Selawat dan kerap memilih lagu Arab Misri. Sumber maqam lagu Arab yang digunakan untuk membaca ayat suci Al-Quran dan nyanyian lain berunsurkan Islam yang didengari melalui nasyid dan qasidah sekarang kebanyakannya datang daripada aliran Arab Iraqi, Hijazi dan Misri disamping tujuh lagi maqam iaitu Banjakka, Hijaz, Musyawaraq, Ras, Jaharka, Sika dan Dukah.

Istilah nasyid menurut masyarakat Indonesia pula adalah menggantikan daripada perkataan qasidah sebagaimana yang dimaklumi di daerah Sumatera dan Kalimantan. Bahkan di daerah-daerah lain ada yang menyebutnya sebagai Tagoni, Samrahan dan sebagainya. Namun jika ditinjau dari bahasa Arab nasyid berasal daripada perkataan “**nasyada**” yang bermaksud membangkitkan, memberikan semangat, meneriakkan dan lain-lain. Sesungguhnya istilah Nasyid telah muncul dalam kebudayaan Arab Islam sejak abad 3H/9M dan terus berkembang dari masa ke semasa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

Teknik ialah cara melakukan sesuatu dengan baik, kaedah yang baik seperti

bermain muzik, yang berkaitan dengan cara yang digunakan oleh seseorang yang

ahli dalam sesuatau bidang.( Kamus Dwibahasa, edisi kedua 2002 ).

Vokal bermaksud gubahan muzik yang dilakukan dengan suara atau nyanyian

( Kamus Dwibahasa, edisi kedua 2002).

Harmoni membawa maksud keadaan yang sesuai atau persesuaian not-not yang

berlainan pada masa yang sama. ( kamus Dwibahasa, edisi kedua 2002).

Dalam konteks tajuk kajian ini, teknik yang dimaksudkan ialah gabungan kaedah-kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh guru dan tenaga pengajar dalam pengajaran dan pembelajaran sehingga menghasilkan satu ensemble vokal yang harmoni dan mantap di dalam persembahan nasyid kontemporari.

## **1.10 Kesimpulan**

Tidak dapat dinafikan lagi kemunculan kumpulan-kumpulan nasyid kontemporari yang berada di persada seni tanahair telah menjadikan remaja pada ini termasuklah pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah mula meminatiya dan telah menjadikan kumpulan tertentu sebagai idola dan ikutan apabila mereka menubuahkan pasukan nasyid di sekolah masing-masing. Irama nasyid moden ini

juga telah mula diterima oleh masyarakat di mana kita sering mendengar nyanyian

kumpulan-kumpulan nasyid di Malaysia sentiasa berkumandang di corong-corong

radio terutamanya di radio Institiut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Kumpulan

nasyid yang ditubuhkan di sekolah-sekolah pula menyanyikan lagu-lagu nasyid

moden ini dengan diiringi oleh alat paluan atau perkusi yang terdiri daripada

conga, gendang arab (drabuka), tamborin, shaker, bongo dan ada juga kumpulan

nasyid ini menyanyikan lagu-lagu secara “acapella” sahaja. Walau bagaimanapun

boleh dikatakan kesemua kumpulan nasyid yang terdapat di sekolah menyanyikan

lagu tanpa menggunakan dan menghiraukan teknik-teknik tertentu terutama teknik

vokal semasa latihan mahu pun semasa membuat persembahan. Oleh itu kajian ini

akan memperlengkapkan lagi bagaimana kumpulan nasyid di sekolah harus dan

semestinya tahu menggunakan teknik vokal yang betul dalam mewujudkan

kumpulan nasyid yang baik dan berkualiti dari segi mutu suara dan persembahan

mereka.



## TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Pengenalan

Muzik merupakan satu bidang yang begitu kaya dengan beraneka jenis pengetahuan, kemahiran dan cara-cara berfikir yang amat berbeza dari zaman ke zaman dan dari tempat ke tempat. Kebolehan untuk bermain muzik, menyanyi, atau menghayati muzik sama ada untuk menghiburkan diri sahaja ataupun untuk memperkembangkan intelek seseorang itu adalah amat wajar bagi setiap individu. Ini adalah kerana kemahiran berfikir secara kreatif lazimnya dikaitkan dengan bakat-bakat semulajadi seperti bakat melukis, berlakon, mencipta lagu dan bakat seni lain (Ainon Mohd. & Abdullah Hassan, 2005 ). Oleh itu, potensi muzik yang terpendam di kalangan para pelajar boleh dicungkil dan dipelihara dengan amat baik dari peringkat sekolah lagi. ( Johaimi Abdullah, 1997 ).

Pada umumnya muzik hanya dilihat sebagai suatu seni untuk tujuan hiburan semata-mata akan tetapi ia juga boleh dianggap sebagai suatu sains yang tersendiri, yang mempunyai mauduknya sendiri yang dibahaskan berpandukan kepada manhaj yang khusus baginya. Terdapat suatu nukilan yang terkenal dari Hikayat Seribu Satu Malam, "*Bagi sebahagian orang, muzik umpama makanan, bagi yang lain ia seumpama ubat, dan bagi yang lain pula ia seumpama kipas.*" Demikianlah anggapan Kaum Muslimin terhadap muzik. Walaupun begitu Kaum Muslimin

banyak meminjam daripada teori muzik Kaum Yunani Purba. Mereka juga telah menyumbang ke arah menyempurna dan seterusnya mengembangkan lagi sains ini sehingga membawa kepada perasaan sedemikian terhadap muzik. Sebab itulah Henry George Farmer mengatakan, "*Anda boleh menyusuri keseluruhan kesusasteraan Yunani dan tidak akan menemui perasaan sedemikian.*". Beliau menambah, "*para pengikut Pythagoras telah memberikan pernyataan awal berkenaan faham kerohanian muzik Islami, akan tetapi ianya masih kabur dan jauh tersorok di alam pemikiran Yunani*". Menurut fahaman muzik Islami, muzik bukan sahaja suatu sains tapi juga seni, seni yang menghibur, menyuburkan hati, menenangkan jiwa, dan yang terpenting dalam bahasa sufi ialah menjadi wasilah bagi menyatakan keasyikan dan kerinduan terhadap Yang Maha Suci.

Al-Ghazali menegaskan dalam Ihya'nya bahawa muzik ('sama') mampu mendatang keasyikan rabbani, melaluinya akan tercapailah hakikat yang dihajati. Beliau cuba menjelaskannya dengan kata-kata berikut:

*"Hati dan pemikiran halus adalah seumpama lombong rahsia dan khazanah batu-batu berharga. Di dalamnya terdapat jawhar seumpama percikan api yang terdapat dalam besi...Tiada jalan lain mengeluarkan rahsianya melainkan dengan mendengar muzik, kerana tiada jalan yang menghubungkan hati selain dari telinga...kerana sebaik sahaja semangat muzik menyentuh jiwa, ia menzahirkan apa sahaja yang menguasainya."*

( Sumber : Utusan Malaysia )

Rasulullah s.a.w dikhabarkan amat menyukai suara merdu Abu Musa al-Ash'ari

dan telah berkata, "Kamu telah dikurniakan salah satu dari seruling Nabi Daud."

Seperti yang diketahui umum, Nabi Daud memiliki suara yang amat merdu, yang menarik perhatian bukan sahaja manusia bahkan haiwan sekalipun apabila baginda menyanyi. Ini bermakna bahawa Rasulullah s.a.w mengetahui nilai dan menghargai bunyi-bunyian yang indah, yang tidak lain dari muzik. Sebab itulah generasi awal Kaum Muslimin amat menghargai keindahan suara manusia.

Muhammad bin Abd Rabbihu (860-940) berkata:

*"Suara yang indah menggerakkan tubuh dan mengalir ke dalam salur darah. Akibatnya darah menjadi murni, hati menjadi tenang, jiwa menjadi galak, anggota badan menjadi resah dan bergerak-gerak. Oleh sebab itu kanak-kanak tidak sepatutnya ditidurkan selepas menangis melainkan dengan muzik dan nyanyian."*

( Sumber : Utusan Malaysia )

Ahmad ibn Abi Dawud (m.854) juga berkata:

*"Aku pernah mendengar nyanyian Mukhariq di istana Khalifah al-Mu'tasim, dan hampir tidak tertahan tangisanku kerana binatang ganas sekalipun pasti akan jatuh cinta terhadap kemerduan suaranya dan menghargai kehebatannya."*

( Sumber : Utusan Malaysia )

Berdasarkan kefahaman ini Kaum Muslimin mula membina falsafah muzik sekitar

kurun ketiga Hijrah. Ia tidak lain daripada kesinambungan terhadap sejarah awal muzik yang bermula dengan kedatangan agama Islam itu sendiri. Bermula dengan nyanyian penunggang unta, seterusnya berkembang menjadi nyanyian yang diiringi alat-alat muzik bertali yang dinamakan muwattar, termasuklah alatan yang kelihatan seperti harp dipanggil mi'zafah, dan daff (sejenis tamborin). Pada zaman awal tamadun Islam, penyanyi dan pemuzik yang paling dikenali ialah Tuways (705 Masihi ). Sejajar dengan penaklukan yang semakin berkembang alatan baru berserta dengan jenis-jenis muzik turut dikenali oleh dunia Islam. Ahli muzik kaum Muslimin mula mempelajari nyanyian dan alat-alat muzik yang baru termasuklah lute ciptaan (alat muzik bertali seumpama gitar). Masyarakat Mekah pada masa itu menggunakan sejenis alat muzik yang hampir sama berupa kotak yang ditutupi kulit kambing, walau bagaimanapun lute orang-orang Parsi mempunyai permukaan kayu, dan rekabentuk Parsi. Ini lama-kelamaan diterimapakai oleh orang-orang Mekah. Di antara ahli muzik terkenal pada zaman ini ialah 'Azzat al-Mayla ( 705 Masihi ). Antara peminat beliau ialah Abdullah ibn Ja'far, sepupu Rasulullah.

Pada masa yang sama ahli muzik kaum Muslimin juga terdedah kepada karya-karya para faylasuf pada kurun ketiga Hijrah dan mereka sudah mula membawa masuk teori-teori muzik Euclid dan pemikir Yunani lain ke dalam alam tamadun Islam. Dengan cara ini, falsafah muzik yang ilmiah mula timbul. Pemikir Muslim, termasuk ahli muzik, mula mentakrifkan muzik sebagai suatu sains berdasarkan pengamatan sendiri dan juga hasil daripada pengaruh pemikiran Yunani. Al-Farabi

( 950 Masihi ) adalah ahli muzik falsafah Muslim yang pertama menulis suatu